

19/08/1999

PM utus takziah

KHABAROVSK, Rabu - Malaysia mengucapkan takziah dan menyampaikan rasa simpati kepada rakyat Turki yang menderita akibat kejadian gempa bumi di wilayah Barat Laut negara itu, semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang terkejut dengan kejadian itu berkata, Kerajaan Malaysia akan memberi apa saja bentuk bantuan kepada mangsa.

"Saya terkejut mendengar kejadian gempa bumi di Turki semalam. Terimalah ucapan takziah dan simpati daripada kerajaan dan rakyat Malaysia atas tragedi dan kehilangan nyawa ini," kata Perdana Menteri, dalam perutusan kepada Perdana Menteri Turki, Bulent Ecevit di sini, sebelum berlepas ke China.

Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia turut berdoa bersama rakyat di negara itu ketika usaha menyelamatkan mangsa diteruskan dan kerja-kerja pembinaan semula dilakukan.

(END)